

Inovasi Sosial UMS beri manfaat lebih 200 penduduk Kg. Pituru

UB 13.7.2019 A5

KOTA KINABALU: Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berbentuk inovasi sosial sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menjayakan Projek Bekalan Air Bersih Kampung Pituru Timbang Taun, Pitas mampu memanfaatkan lebih 200 penduduk kampung tersebut.

Projek hasil inisiatif Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS dengan kerjasama Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) sebagai penyumbang dana utama turut melibatkan kerjasama penduduk kampung, Yayasan Amal Malaysia Cawangan Sabah, dan Himpunan Ilmuwan UMS dalam menjalankan kerja pembinaan infrastruktur projek tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul ketika merasmikan projek tersebut berkata, projek inovasi ini menunjukkan penekanan fungsi universiti yang bertanggungjawab dalam memacu alihan ilmu teoritikal kepada inovasi, seterusnya diterjemah ke lapangan untuk menyelesaikan isu-isu komuniti terutamanya penduduk di pedalaman negeri Sabah.

"Kumpulan penyelidik UMS mencipta inovasi saringan air yang mampu memendapkan kandungan lempung yang tinggi hasil dari sumber air sebuah kolam takungan semula jadi di kawasan tersebut, dan air tersebut kemudiannya ditapis untuk proses penjernihan akhir.

"Justeru, secara dasarnya pelaksanaan projek ini mentuntut kecapakan dalam bidang hidrologi, geologi, sains sekitaran dan aplikasi kejuruter-



DR. Ramzah (tengah) bersama tetamu serta penduduk kampung melihat sumber air hasil projek inovasi sosial kumpulan penyelidik UMS.

aan asas dalam menjayakannya, dan inilah peranan yang perlu dimainkan oleh para ahli akademik UMS," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti

Kampung (MPKK) Kampung Pituru, Mair Mari berkata, penduduk kampung secara zahirnya rasa bersyukur atas pelaksanaan projek itu di kampung tersebut.

"Penduduk kampung yang selama ini bergantung kepada air hujan dan air yang tidak dirawat dengan sempurna sebagai sumber air sudah mampu menikmati kemudahan bekalan air bersih untuk kegunaan harian," ujar beliau.

Turut hadir pada acara perasmian projek tersebut ialah Dekan FSSA Prof. Dr Baba Musta, Pengurus Besar PBNS Tuan Haji Salman Nurillah dan profesor dari FSSA Prof. Dr. Kawi Bidin selaku ketua projek kanan mereka," ujar beliau.



DR. Ramzah merakamkan gambar bersama tetamu serta penduduk kampung.